

Mahathir dianugerah "kunci kota Colombo"

Dari Abdullah Hassan

IKETUA PENYUNTING
UTUSAN MALAYSIA



MM 24 APR 1983
COLOMBO 23 April -

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan "kunci kota Colombo" sebagai satu lambang penghormatan kepada Malaysia oleh Datuk Bandar, B. Sirisena Corray sempena lawatan rasmi ke negara ini.

Penganugerahan itu disampaikan semasa Datuk Sri Dr. Mahathir melawat Dewan Bandaraya dan beliau merupakan Perdana Menteri kedua, selepas Tunku

Abdul Rahman untuk dianugerahkan kunci kota Colombo.

Dalam ucapan ringkasnya di majlis tersebut, Perdana Menteri berkata penghormatan yang diberikan kepadanya oleh Dewan Bandaraya Colombo merupakan satu manifestasi hubungan yang rapat antara kerajaan dan rakyat kedua negara.

Beliau memberi jaminan bahawa Malaysia sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Dewan Bandaraya

sia dan sekarang menjadi Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, masih terdapat banyak lagi masalah yang perlu diatasi dan kerana itu kerajaan baru ini merangka pelan induk Kuala Lumpur untuk menjadikan Kuala Lumpur kota yang berorientasikan penduduk dan bukan kota dengan pelbagai masalah.

Untuk mengatasi masalah itu, pertukaran kepakaran, pengetahuan dan kaitan dalam bidang pembangunan kota adalah penting dan dalam hubungan ini kerjasama antara dua negara dalam lapangan ini akan menghasilkan faedah bersama," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sebelum itu, Perdana Menteri melawat kawasan perdagangan bebas Katunayake Airport. Beliau mengunjungi beberapa buah kilang perusahaan seperti kilang elektrik kepunyaan Jepun, kilang mengeluarkan kelengkapan nelayan dan kilang-kilang pakaian.

Selepas melawat kawasan perdagangan bebas, beliau melawat bangunan Parlimen dan ketibaannya disambut oleh Pemangku Speaker, Norman Waidyaratna. Colombo dalam usahanya membina dan memajukan kota ini.

"Saya yakin kita akan

sama-sama dapat mempelajari teknik dan pendekatan masing-masing yang merupakan aspek penting bagi mencapai hasrat menjadikan bandaraya kita kota yang diidam-idamkan," katanya.

Menurutnya, tanggungjawab mentadbir bandaraya bukannya mudah dan Malaysia juga menghadapi berbagai masalah seperti menyediakan perumahan dan bangunan bagi penduduk yang semakin bertambah dan masyarakat perniagaan, mengadakan kemudahan sosial, sistem pengangkutan yang baik dan lain-lain aspek termasuk bekalan air yang cukup.

Dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, Malaysia juga sentiasa menitikberatkan mutu alam sekitar bagi menjamin perimbangan pembangunan ekologi dan pusaka bangsa.

Beliau menyatakan Colombo wujud dari sebuah pekan perdagangan kerana kedudukannya yang strategik bagi pelayaran dan Kuala Lumpur pula tumbuh dari pekan yang menghasilkan bijih timah dan terus subur menjadi ibu negara Malay-